

PROGRAM PENEBUSAN MYDEBIT CARD (“PROMOSI”)

TERMA & SYARAT

PENGANJUR

1. Promosi ini dianjurkan oleh **MALAYSIAN ELECTRONIC CLEARING CORPORATION SDN. BHD. (No. Pendaftaran Syarikat: 836743-D)** ("MyClear") dan **NSK TRADE CITY SDN BHD (No. Pendaftaran Syarikat : 626470-P)** ("NSK") (yang dirujuk sebagai "Penganjur").
2. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan syarat Promosi ini, Perlindungan Data & Notis Privasi seperti yang diperincikan di bawah, dan segala pindaan, penambahan, penggantian pemotongan dan pengubahsuaian kepada Perjanjian ini ("Terma dan Syarat") sebagaimana yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Penganjur dan terikat oleh mereka dan mematuhi keputusan Penganjur.

TEMPOH PROMOSI

3. Promosi akan berlangsung mulai **00:00 hours (GMT+8) on 10 June 2017 hingga 23:59 (GMT+8) hours on 31 August 2017.**

KELAYAKAN PESERTA

4. Peraduan ini terbuka kepada pelanggan NSK yang berbelanja dan membayar pembelian mereka di kedai-kedai NSK menggunakan MyDebit melalui kad ATM yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan MyDebit mengambil bahagian di Malaysia ("Pelanggan"). Hanya Pelanggan yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contoh: kad pengenalan atau passport) layak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ("Peserta").
5. Peserta harus mempunyai akaun dengan mana-mana Institusi Kewangan MyDebit yang mana akaun tersebut hendaklah sah, aktif dan mempunyai status pembiayaan yang baik semasa tempoh Promosi sehingga penebusan Hadiah Promosi. Peserta hendaklah mematuhi syarat kelayakan di atas untuk menjadi seorang "Peserta yang Layak".

KRITERIA KELAYAKAN

6. Pembelian oleh Peserta yang Layak melalui MyDebit dengan jumlah minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM 100.00) dan ke atas dalam satu resit di mana-mana outlet NSK layak untuk Program Penebusan. Walau bagaimanapun, hanya transaksi sentuh dan tanpa sentuh MyDebit diterima dan layak untuk menyertai Promosi ini.
7. Transaksi MyDebit hendaklah dibuat semasa Tempoh Promosi dan mematuhi syarat dan kriteria kelayakan yang dinyatakan di atas, untuk dianggap sebagai layak menyertai Program Penebusan. Transaksi yang dibuat /diterima di luar Tempoh Promosi tidak akan diterima.

PROSES PENEBUSAN HADIAH

8. Pelanggan hendaklah merujuk kepada resit pembelian untuk memastikan bahawa mereka layak untuk menebus Hadiah seperti yang dinyatakan di bawah (rujuk item 11). Penebusan hendaklah dibuat pada hari yang sama di outlet NSK di mana Pelanggan membuat transaksi MyDebit tersebut.
9. Setiap Peserta yang Layak hanya boleh menebus maksimum dua (2) paket beras (iaitu 1kg setiap paket beras bagi setiap transaksi MyDebit sebanyak RM100.00) dalam satu resit tanpa mengira jumlah pembelian dan tertakluk kepada yang syarat and kriteria kelayakan yang dinyatakan di atas

HADIAH

10. Satu paket beras 1kg boleh ditebus untuk setiap transaksi MyDebit sebanyak RM100.00 dan ke atas dalam satu resit.
11. Peserta yang Layak hanya boleh menebus maksimum dua (2) paket (1kg setiap paket) untuk setiap resit.
12. Melainkan jika dinyatakan dalam terma dan syarat, sebarang permohonan untuk penggantian atau pengubahsuaian Hadiah oleh Peserta, tidak akan dilayan.
13. Pertukaran Hadiah kepada wang tunai adalah tidak dibenarkan.
14. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah yang ditawarkan di dalam Promosi ini dengan hadiah yang sama nilai.

TERMA & SYARAT AM

15. Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Promosi dan/atau untuk mengubah suai, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini pada bila-bila masa tanpa notis. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau sebarang bentuk lain akan diberikan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak akibat daripada keadaan-keadaan tersebut.
16. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur tidak menawarkan sebarang jaminan, yang tersirat atau berkanun berhubung dengan Promosi, Hadiah Promosi serta termasuk tetapi tidak terhad kepada kualiti dan kesesuaian untuk tujuan berkenaan dngan Hadiah.
17. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua yang timbul atau dialami oleh mana-mana Peserta yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi ini.
18. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta yang Layak memberi keizinan dan kuasa kepada Penganjur untuk mengumpul, menggunakan, memproses nama, nombor kad pengenalan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") bagi tujuan menjalankan Promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumumkan dan penerbitan Data peribadi dan/atau gambar Peserta di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

19. Semua keputusan yang dibuat berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad.
20. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Promosi ini. Terma dan Syarat yang terkandung di dalam laman web pihak Penganjur <http://www.nsktrade.com> dan <http://www.myclear.org.my> mengatasi mana-mana terma dan syarat yang tidak konsisten yang terkandung dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan lain untuk Promosi. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
21. Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
22. Sebarang soalan dan pertanyaan mengenai Promosi ini, sila emel kepada Cik Ong Bee Ching di alamat ong@nskgroup.com.my sepanjang Tempoh Promosi.

[TAMAT]